



**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)
KEPONG, 52109 SELANGOR DARUL EHSAN**

Ruj Kami/ Our Ref: FRIM500-2/2/1(2)
Ruj Tuan/ Our Ref:
Tarikh : 11.03.2021

IKLAN JAWATAN KOSONG KUMPULAN SOKONGAN SIRI 1/2021

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas yang berkelayakan bagi mengisi jawatan-jawatan-jawatan berikut di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

2. (a) **JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (P/O) GRED N19**
- (b) **PENEMPATAN: BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**
- (c) **TARAF
JAWATAN : TETAP**
- (d) **JADUAL GAJI : RM 1,352.00 (Minimum) – RM 4,003.00 (Maksimum)**
- (e) **KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM 100.00**
- (f) **IMBUHAN**
- (i) Tetap Khidmat Awam : RM115.00
 - (ii) Tetap Perumahan : RM300.00
 - (iii) Bantuan Sara Hidup : RM350.00
- (g) **SYARAT LANTIKAN :**
- Calon-calon bagi jawatan di atas hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (h) **KELAYAKAN LANTIKAN :**
- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00);
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2

dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1408.40); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,464.80).

(i) SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(j) SYARAT TAMBAHAN

- i) Mempunyai pengalaman merancang dan melaksanakan pengurusan latihan jangka pendek dan jangka panjang.
- ii) Menguruskan penempatan pakar dan pelajar bagi menjalani latihan industri.
- iii) Menguruskan permohonan lawatan rasmi dan persendirian keluar negara.
- iv) Menyelaras Program Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dan pementoran.
- v) Menyelaras pengurusan peperiksaan, menambahbaik modul, soalan dan skema jawapan mengikut prosedur peperiksaan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian FRIM (<http://www.frim.gov.my/general-public/career-opportunities/>) akan diproses. Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran passport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 Mac 2021 (Rabu)

CATATAN AM

Hanya calon-calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk menjalani proses saringan. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.